



Bagaimana untuk memberi sokongan kepada mangsa buli

Ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada anak - anak atau mangsa buli ini dan sekaligus mencegah dari kejadian yang sama berulang kembali. Kebiasaannya, anak - anak yang lebih besar dan berkuasa akan memilih mangsa yang lemah untuk dibuli. Mangsa pula tidak mampu untuk menangani masalah ini bersendirian dan inilah saatnya untuk anda campur tangan.

Jika seorang kanak-kanak memberitahu mereka sedang dibuli;

1. Sentiasa mengambil berat perkara yang disampaikan mereka. Jangan sesekali beritahu mangsa untuk hanya "mengabaikan" pembuli atau perkara ini adalah adalah sebahagian daripada proses pembinaan jati diri. Jenayah buli boleh merosakkan jati diri mangsa dan sering menjadi lebih buruk apabila tiada tindakan diambil.
2. Jangan sesekali letakkan kesalahan kepada mangsa di atas apa yang berlaku – walaupun mereka memulakan provokasi kepada pembuli. Tiada siapa patut dibuli.
3. Jika anda ialah ibubapa kepada anak yang dibuli di sekolah, laporkan kejadian tersebut dan sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah untuk memastikan tindakan diambil ke atas pelaku. Jangan sesekali berjumpa sendiri dengan pembuli atau ibubapa mereka.
4. Buat guru, jika terdapat laporan mengenai jenayah buli, segera campur tangan dalam permasalahan ini. Ia bagi memastikan si pelaku sedar tindakan yang dilakukan mereka adalah salah.
5. Jika anda ialah seorang guru kaunseling, berhati-hati untuk tidak membuka rahsia mangsa. Jika mangsa membuat laporan dibuli namun enggan membenarkan pihak sekolah mengambil tindakan ke atas pelaku, hormati keputusan mereka, namun berikan garis panduan untuk mereka menyelesaikan sendiri masalah yang dihadapi. Guru juga perlu pandai memainkan peranan mengikut keadaan. (* Kadangkala, ada masa yang sesuai untuk tidak mengikut pendapat mangsa contohnya jika anda melihat mangsa dalam keadaan terdesak dan memerlukan bantuan, ini bagi memastikan keselamatan mereka terjamin.

Dalam video seterusnya, apakah cara terbaik untuk berhadapan dengan pembuli?

**#STAND
TOGETHER**